THE SARAWAK MUSEUM JOURNAL

https://museum.sarawak.gov.my

The Sarawak Museum Journal
Vol. LXXXVI No. 107
December 2023




ISSN: 0375-3050

Citation: *Sarawak Museum Journal, LXXXVI (107) (2023): 1-20*

# Transformasi Budaya Dalam Busana *Langgie Pingadap*: Kajian Kes di Kampung Rayang Serian Sarawak

**Norazlinda Mohamed Rosdi[1] and *Max Martin a/l Petel[2]**
Department of Heritage Studies, Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan.
*corresponding author
maxmartinpeterr@gmail.com

## ABSTRACT

Tarian ‘Langgie Pingadap’ merupakan tarian tradisional bagi suku kaum Bidayuh yang mana dipersembahkan oleh golongan lelaki dan wanita sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan di atas rezeki padi yang diperoleh. Seiring dengan perkembangan zaman, tarian ini mula berfungsi untuk menyambut kedatangan tetamu yang datang melawat ke kawasan Bidayuh. Menerusi kajian ini, pengkaji cuba melihat perbandingan tarian Langgie Pingadap dulu dan kini terutamanya di kawasan kajian iaitu di Kampung Rayang, Serian, Sarawak. Pemilihan lokasi kajian adalah disebabkan kawasan berkenaan menjadi penempatan sebahagian besar suku kaum Bidayuh. Perbandingan tarian ini akan dilihat dalam konteks pakaian, aksesori dan penggunaan warna selain fungsi mengapa tarian ini dipersembahkan. Untuk memastikan kajian ini mencapai objektif, penulis telah menggunakan pendekatan etnografi dengan melibatkan beberapa kaedah kajian seperti menemubual beberapa orang informan yang mempunyai pengetahuan tentang tarian Langgie Pingadap termasuklah yang terlibat secara langsung dalam tarian ini. Hasil kajian mendapati sememangnya ada perbezaan yang begitu ketara sehinggakan terjadinya perubahan dalam keaslian tarian ini termasuklah pakaian penari. Walaupun ada perubahan yang berlaku, namun tarian ini harus dipulihara dan dikekalkan kerana ia melambangkan kebudayaan dan identiti suku kaum Bidayuh sejak sekian lamanya.

**Keywords:** *Langgie Pingadap*, Bidayuh, tarian, tradisional, pemeliharaan

© Sarawak Museum Department 2023

All rights reserved. No part of this journal may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of the Director, Sarawak Museum Department

Jabatan Muzium Sarawak

*The Sarawak Museum Journal*, LXXXVI (107) (2023) (1-20)

# TRANSFORMASI BUDAYA DALAM BUSANA *LANGGIE PINGADAP*: KAJIAN KES DI KAMPUNG RAYANG SERIAN SARAWAK

**Norazlinda Mohamed Rosdi[1] and *Max Martin a/l Petel[2]**
Department of Heritage Studies, Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan.
*corresponding author
maxmartinpeterr@gmail.com

## ABSTRAK

Tarian '*Langgie Pingadap*' merupakan tarian tradisional bagi suku kaum Bidayuh yang mana dipersembahkan oleh golongan lelaki dan wanita sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan di atas rezeki padi yang diperoleh. Seiring dengan perkembangan zaman, tarian ini mula berfungsi untuk menyambut kedatangan tetamu yang datang melawat ke kawasan Bidayuh. Menerusi kajian ini, pengkaji cuba melihat perbandingan tarian *Langgie Pingadap* dulu dan kini terutamanya di kawasan kajian iaitu di Kampung Rayang, Serian, Sarawak. Pemilihan lokasi kajian adalah disebabkan kawasan berkenaan menjadi penempatan sebahagian besar suku kaum Bidayuh. Perbandingan tarian ini akan dilihat dalam konteks pakaian, aksesori dan penggunaan warna selain fungsi mengapa tarian ini dipersembahkan. Untuk memastikan kajian ini mencapai objektif, penulis telah menggunakan pendekatan etnografi dengan melibatkan beberapa kaedah kajian seperti menemubual beberapa orang informan yang mempunyai pengetahuan tentang tarian *Langgie Pingadap* termasuklah yang terlibat secara langsung dalam tarian ini. Hasil kajian mendapati sememangnya ada perbezaan yang begitu ketara sehinggakan terjadinya perubahan dalam keaslian tarian ini termasuklah pakaian penari. Walaupun ada perubahan yang berlaku, namun tarian ini harus dipulihara dan dikekalkan kerana ia melambangkan kebudayaan dan identiti suku kaum Bidayuh sejak sekian lamanya.

**Kata Kunci:** *Langgie Pingadap*, Bidayuh, tarian, tradisional, pemeliharaan